

Graduan jarak jauh mesti berkualiti, berintegriti

PENDIDIKAN Terbuka dan Jarak Jauh (PJJ) semakin mendapat tempat dalam sistem pendidikan tinggi negara, khususnya selepas pandemik Covid-19 yang mempercepatkan penggunaan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pendekatan ini menawarkan fleksibiliti kepada pelajar untuk mengikuti pengajian tanpa terikat dengan lokasi dan masa.

PJJ juga membuka peluang kepada golongan bekerja untuk meningkatkan kelayakan akademik tanpa perlu meninggalkan kerjaya, sekali gus menyokong agenda pembelajaran sepanjang hayat.

Namun, pelaksanaan PJJ turut menimbulkan cabaran dari segi integriti akademik. Apabila proses pembelajaran dan penilaian dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian, institusi perlu memastikan individu yang mengikuti kursus dan menduduki peperiksaan ialah pelajar yang berdaftar.

Pada masa sama, tugas yang dihantar mestilah hasil usaha pelajar sendiri.

Cabaran ini semakin ketara dengan kewujudan pihak yang menawarkan perkhidmatan menyiapkan tugas melalui media sosial, selain penggunaan kecerdasan buatan (AI) secara tidak beretika yang boleh mendorong plagiarisme dan menjejaskan proses pembelajaran.

Jika isu ini tidak ditangani, institusi berisiko melahirkan graduan yang memiliki sijil tetapi tidak menguasai ilmu dan kemahiran yang sepatutnya. Keadaan ini boleh menjejaskan keyakinan masyarakat dan industri terhadap kualiti graduan PJJ.

Justeru, institusi pengajian tinggi (IPT) perlu memperkukuh sistem pengesanan identiti dan pemantauan penilaian.

Teknologi seperti pengesanan wajah, sistem *proctoring* berasaskan AI dan penggunaan *lockdown browser* boleh membantu mengurangkan risiko penipuan semasa peperiksaan.

Bagi tugas, perisian pengesanan plagiarisme serta pentaksiran berbentuk refleksi, pembentangan dan projek aplikasi boleh digunakan untuk memastikan hasil kerja benar-benar mencerminkan keupayaan pelajar.

Pada masa sama, platform pembelajaran perlu dilengkapi ciri keselamatan siber yang kukuh bagi melindungi data serta kerahsiaan bahan penilaian.

Pelaburan dalam teknologi pendidikan bukan lagi pilihan, sebaliknya keperluan untuk memastikan PJJ dapat dilaksanakan secara berkualiti. Kerjasama antara kerajaan, institusi pengajian tinggi dan industri penting bagi membina ekosistem pendidikan digital yang berintegriti.

Kualiti graduan PJJ tidak seharusnya diukur berdasarkan kaedah pembelajaran semata-mata tetapi pada tahap penguasaan ilmu, kemahiran dan nilai integriti yang dibentuk sepanjang pengajian.

Dengan sistem yang mantap, PJJ mampu terus melahirkan modal insan berkualiti dan memenuhi keperluan negara.

DR. MAWARNY MD. REJAB

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pengkomputeran, Universiti Utara Malaysia (UUM)